



Forum bicara siswa jelaskan peranan UBK

- SH 11/08/08 Pg. 16*
- Penganjuran Forum Bicara Siswa Bersama Pelajar Istimewa (OKU) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan adalah sebagai usaha mengadakan perkongsian ilmu dan mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan golongan pelajar istimewa (OKU) UMT.
 - Program tersebut dirancang untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai Unit Bimbingan Kaunseling (UBK) dan memberi penjelasan dengan lebih mendalam mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh unit berkenaan.
 - Selain itu, dengan adanya program ini akan membuka mata ramai pihak mengenai kepentingan dan faedah akan diperoleh melalui UBK.
 - Semua pihak seharusnya memainkan peranan untuk bekerjasama dan juga prihatin dengan keperluan serta bergaul dengan golongan istimewa ini bagi mengelakkan daripada mereka berasa tersisih.